

## **Maklumbalas CIDB Malaysia kepada Laporan Muka Depan Berita Harian**

Merujuk kepada laporan Berita Harian bertarikh 23 September 2024, bertajuk “Kelompongan sistem punca lambakan kontraktor” dan “Penipuan pendaftaran punca lambakan kontraktor bumiputera”.

Di dalam artikel tersebut, Berita Harian menyiarkan kenyataan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Datuk Mohd Rosdi Ab Aziz bahawa Sistem dalam talian untuk permohonan pendaftaran kontraktor yang digunakan CIDB membolehkan permohonan dibuat dengan memuatnaik sijil atau dokumen yang telah disunting dan ini telah menyebabkan lambakan kontraktor.

### **Berikut adalah maklumbalas daripada CIDB Malaysia:**

Statistik jumlah kontraktor berdaftar yang diberi oleh PKMM bahawa terdapat 140,000 kontraktor Bumiputera adalah **tidak benar**. Pihak media digesa untuk merujuk terus kepada CIDB untuk mendapatkan statistik yang sahih berkenaan pendaftaran kontraktor dan personnel binaan dan tidak sewenang-wenangnya menyiarkan angka yang diberi oleh mana-mana pihak tanpa usul periksa dengan agensi bertanggungjawab.

Mengikut rekod CIDB, jumlah kontraktor yang memegang taraf Bumiputera hanyalah 75,573 daripada 133,380 jumlah kontraktor berdaftar dengan CIDB.

Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) juga ingin menjelaskan bahawa pada tahun 2017, CIDB telah memperkenalkan CIMS (*Centralised Information Management System*) untuk memusatkan semua proses pendaftaran kontraktor dan personnel binaan secara atas talian. Sehubungan itu, CIDB telah melaksanakan Semakan Pematuhan Kontraktor (SPEK) bertujuan untuk memastikan maklumat yang diisytiharkan oleh kontraktor semasa proses pendaftaran, pengisytiharan projek/levi dan permohonan SCORE/MCORE mematuhi akta, peraturan dan Manual Prosedur yang ditetapkan. Audit SPEK ini merupakan satu proses yang sistematik dan didokumentasikan dengan teliti untuk mengumpul bukti audit serta menilai sejauh mana kontraktor memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

## **Penemuan Audit**

Berdasarkan hasil audit SPEK, kadar kepatuhan kontraktor menunjukkan turun naik dari tahun ke tahun:

- Sehingga Ogos 2024: 70% patuh, manakala 30% tidak patuh
- 2023: 72% patuh, 28% tidak patuh
- 2022: 71% patuh, 29% tidak patuh
- 2021: 78% patuh, 22% tidak patuh

Penurunan kadar kepatuhan yang ketara dari 78% pada 2021 kepada 70% pada Ogos 2024 menunjukkan bahawa masih terdapat cabaran besar dalam memastikan pengisytiharan sendiri yang tepat dan beretika

oleh kontraktor. Salah satu faktor yang dikenal pasti melalui audit ini adalah kecenderungan kontraktor untuk menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pengisytiharan sendiri kepada ejen. Penggunaan ejen yang tidak bertanggungjawab oleh sesetengah kontraktor telah menyebabkan berlakunya pemalsuan dan manipulasi maklumat, sekali gus menyumbang kepada peningkatan jumlah kontraktor yang tidak patuh kepada peraturan (peratusan 30% tidak patuh sehingga Ogos 2024).

Penurunan ini menggambarkan kesan penggunaan ejen dalam pengurusan pengisytiharan sendiri, di mana kontraktor yang sepatutnya mengesahkan sendiri maklumat yang mereka isytiharkan, sering kali menyerahkan tanggungjawab tersebut bulat-bulat kepada ejen tanpa semakan lanjut. Akibatnya, integriti kontraktor terjejas dan CIDB menghadapi cabaran dalam memastikan kepatuhan kontraktor. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk memperketatkan kawalan dan memastikan kontraktor lebih bertanggungjawab dalam proses pengisytiharan, terutamanya yang melibatkan pihak ketiga.

### **Permohonan Pendaftaran Kontraktor**

Statistik permohonan pendaftaran kontraktor yang diproses daripada bulan Januari sehingga Ogos 2024 adalah berjumlah 122,274 permohonan daripada 12 jenis permohonan. Dari jumlah tersebut sebanyak 16,098 (13.2%) permohonan gagal kerana tidak memenuhi syarat pendaftaran iaitu gagal mengemukakan dokumen yang diminta, termasuk dokumen atau sijil yang disunting atau palsu. Untuk makluman CIDB juga membuat semakan dengan universiti, institusi pengajian tinggi

dan agensi-agensi pendaftar yang lain sekiranya terdapat sijil atau dokumen yang didapati meragukan kesahihannya.

Berkenaan dengan kenyataan PKMM bahawa terdapat lambakan kontraktor berdaftar, CIDB ingin menerangkan bahawa CIDB tidak menghadkan mana-mana syarikat yang layak dan memenuhi syarat untuk berdaftar sebagai kontraktor. Syarikat yang ingin berdaftar sebagai kontraktor perlulah memenuhi syarat-syarat pendaftaran untuk kontraktor G1 sehingga G7 dan 132 kod bidang kontraktor yang ditawarkan. Sesebuah syarikat itu sendiri bertanggungjawab kepada diri sendiri dalam memastikan mereka berdaya saing di dalam industri pembinaan yang kompetitif dan berupaya merebut peluang yang ada di dalam industri pembinaan berdasarkan kapasiti dan kapabiliti syarikat itu sendiri.

Pendekatan yang sama juga diambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia di mana ia tidak menghadkan jumlah pendaftaran syarikat. Sebaliknya adalah menjadi tanggungjawab peniaga sendiri untuk mengukur kemampuan diri sendiri untuk bersaing di dalam bidang perniagaan yang dipilih.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

#### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---